

PM: TIADA LARANGAN BERCAKAP DALAM MT DAN KABINET

ALUR SETAR 11 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa tidak ada sekatan di dalam forum - forum tertentu baik dalam Majlis Tertinggi atau kabinet bagi orang - orang yang tidak puas hati terhadap sesuatu dasar kerajaan sambil menyifatkan golongan tertentu dilarang bercakap sebagai pembohong semata-mata.

Menurut Presiden UMNO itu, dalam Majlis Tertinggi kita boleh bercakap dan tidak ada siapa yang dilarang daripada bercakap, kalau ada yang dilarang daripada bercakap dia itu adalah pembohong.

“Kalau dia cerita dia dilarang, itu bohong semata-mata. Begitu juga dalam kabinet semua orang bercakap,” tegas Perdana Menteri ketika berucap merasmikan Konvensyen UMNO Kedah di bangunan Tunku di sini.

Sebagai contoh, dalam lain-lain hal kalau kita percaya Dasar Pandang Ke Timur tidak baik kita boleh berkata dan berbahas.

“Kalau Majlis Tertinggi kata Dasar Pandang Ke Timur itu tak baik, kita akan

gugurkan, tak jadi masalah kita boleh gugurkan dasar itu,” tegas Perdana Menteri.

Bagaimanapun, beliau menegaskan perkara tersebut tidak disuarakan dan tidak ada perbahasan tetapi sekarang timbul golongan kononnya mereka tidak puas hati.

Beliau berpendapat perkara yang dilakukan itu bukan cara yang baik kerana UMNO mempunyai ketertiban dan ada cara-cara berbahas dan “kita adalah manusia yang suka bertindak dengan teratur kerana secara teratur ini akan membawa banyak manfaat pada kita.”

Katanya: “Kalau kita bertindak sesuka hati maka negara kita tidak akan menjadi aman.”

Perdana Menteri berkata: Yang kita tidak mahu ialah sesuatu yang akan berlaku kepada UMNO sehingga UMNO menjadi lemah.

“Jika kita mempunyai masalah ia boleh dibincangkan bersama melalui banyak forum yang ada dalam UMNO iaitu di peringkat tertinggi sekali ada Majlis Tertinggi dan MT ini mem-

bincangkan semua perkara secara terbuka.”

Menurutnya, tiap seorang daripada anggota Majlis Tertinggi itu diberi peluang bercakap: “Ahli-ahli MT ada dalam dewan ini kita boleh tanya mereka.”

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, beliau tanya apa pendapat tiap-tiap semua dari mereka umpamanya bila Datuk Musa letak jawatan, semua bercakap dan biasanya mesyuarat Majlis Tertinggi berjam-jam bukan 15 hingga 20 minit sahaja.

“Mustahil saya boleh bercakap berjam-jam, orang lain tak bercakap,” tambahnya.

Katanya “dalam Majlis Tertinggi kita berpeluang untuk menyuarakan pendapat kita, tetapi sebagai satu badan yang mengutamakan majoriti kita mestilah mengikut keputusan, yang telah dibuat.

“Kita boleh suarakan pendapat kita, tetapi kalau orang tolak kita jangan marah. Dalam parti kita buat keputusan kita harus terima keputusan,” ujar Presiden UMNO.

Datuk Sri Dr. Mahathir hairan sebelum ada pemi-

lian 24 April ini tidak ada tuduhan - tuduhan seperti ini dan fitnah yang bermacam - macam yang dilemparkan seperti sekarang.

Beliau sebaliknya menyatakan kalau dibiar nafsu menguasai pemikiran “kita tidak dapat bergerak dengan baik dan mencapai kejayaan yang telah dicapai pada masa lalu termasuk berjaya menentang Malayan Union, mencapai kemerdekaan dan mengisi kemerdekaan dan berjaya mengatasi rusuhan 1969 dengan mencapai pembangunan dan perpaduan kaum yang lebih baik selepas itu.”

Perdana Menteri berkata, pada umumnya Malaysia berada dalam keadaan tenang dan stabil dan tidak ada masalah besar di mana UMNO menentukan ketenangan di negara ini bukannya PAS atau parti-parti lain kerana UMNO amat stabil.

Beliau menambah, kerana parti ini besar dan tenang ia disokong oleh parti - parti lain dan kita dapat menentukan kemenangan demi kemenangan dalam pilihanraya termasuk kemenangan besar dalam pili-

hanraya umum 1986 lalu.

Katanya, dalam membentuk Barisan Nasional, UMNO adalah menjadi tunjangnya dan kalau UMNO dicabut keluar maka tidak ada Barisan Nasional.

“Tidak ada satu parti lain yang boleh menggantikan UMNO jadi tunjang pemerintahan negara,” tegas beliau sambil menyebut bahawa UMNO berkesan dan kuat kerana ada ketenangan di dalam parti.

Mengenai pemilihan pucuk pimpinan UMNO di Perhimpunan Agung 24 April ini, Presiden UMNO itu menyebut bahawa pertandingan yang berlaku pada masa-masa lepas bukan pertandingan seperti sekarang, termasuk pada zaman Datuk Onn dan Datuk Hussein Onn yang dicabar oleh Haji Sulaiman Palestin hanya sebagai percubaan menandakan ada golongan yang tidak setuju dengannya.

Katanya, pada umumnya dalam UMNO tidak ada pertandingan orang nombor 2 nak lawan orang nombor 1 baik semasa Tunku Abdul Rahman, Tun-

Abdul Razak dan Datuk Hussein Onn jadi Perdana Menteri dulu yang menjadikan kepimpinan UMNO solid atau padu.

Menurutnya, beliau sendiri tidak membuat cabaran terhadap Datuk Hussein Onn walaupun banyak perkara beliau tidak setuju dengan Datuk Hussein dan perkara itu tidak pernah dicakapkan.